

## PERLAKSANAAN PROGRAM i-SMART KE ARAH TRANSFORMASI KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR POLITEKNIK MALAYSIA

NORAH BINTI MOHD. ZAN\*<sup>1</sup>, NURZARIMAH BINTI JAMIL\*<sup>2</sup>, NOOR AFIZA BINTI ATAN\*<sup>3</sup>

<sup>\*1</sup> Politeknik METrO Johor Bahru. 81100. Johor Bahru. Johor.Malaysia

<sup>\*2</sup> Politeknik METrO Johor Bahru. 81100. Johor Bahru. Johor.Malaysia

<sup>\*3</sup> Politeknik METrO Johor Bahru. 81100. Johor Bahru. Johor.Malaysia

---

### ARTICLE INFO

#### *Article history :*

Received : June 2015

Accepted : August 2015

Available online : January  
2017

#### Keywords:

*Kemahiran insaniah,  
Program i-SMART*

### ABSTRACT

*The graduates of higher learning institutions should have impressive generic skills to fulfil the industry needs. Generic skills is crucial in order to develop the self esteem of the graduates who will enter the working life. Polytechnic METrO Johor Bahru (PMJB) as one of the higher learning institution has made an initiative towards the transformation of the graduates' generic skills. The initiative is by introducing i-SMART programmes. This research is carried out to identify the readiness level of generic skills among the polytechnic graduates, to differentiate the factors between gender demography and the readiness level of generic skills among the polytechnic graduates. Last but not least is to differentiate the factors between academic image and the readiness level of generic skills among the polytechnic graduates. This research used quantitative method via questionnaire distribution to 150 respondents who are randomly picked. The hypothesis of this research are: the students who have undergone the i-SMART programmes fulfil the industry's needs of the generic skills and help the employability rate of polytechnic graduates.*

### ABSTRAK

*Graduan institusi pengajian tinggi perlu mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi bagi memenuhi kehendak dan keperluan semasa industri yang bakal mereka sertai. Kemahiran insaniah memainkan peranan yang penting dalam membentuk kemahiran sendiri graduan sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan. Salah satu inisiatif Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB) ke arah transformasi kemahiran insaniah bakal graduan politeknik adalah dengan memperkenalkan program i-SMART. Kajian yang dijalankan ini adalah bagi mengetahui tahap kesediaan kemahiran insaniah di kalangan pelajar politeknik, mengenalpasti perbezaan demografi jantina dengan tahap kesediaan kemahiran insaniah dan mengenalpasti perbezaan faktor pencapaian akademik dengan tahap kesediaan kemahiran insaniah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Soalselidik diedarkan kepada 150 orang responden yang dipilih secara rawak sebagai kaedah pengumpulan data. Hipotesis kajian ialah pelajar yang telah mengikuti program i-SMART mempunyai kemahiran insaniah yang cukup sepertimana yang diperlukan oleh industri setelah bergraduasi dan program i-SMART dapat membantu kebolehdapatan kerja graduan politeknik.*

## PENDAHULUAN

Mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapannya sempena Perhimpunan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan pada 13 Mei 2006 berkata, pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa [17]. Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi yang juga merupakan salah satu institusi yang bakal melahirkan tenaga kerja dinamik, telah menetapkan visi untuk melahirkan modal insan inovatif melalui pendidikan dan latihan transformasional bagi memenuhi keperluan tenaga kerja global menjelang 2015. Bagi mencapai matlamat tersebut, Jabatan Pendidikan Politeknik telah melaksanakan kurikulum dan kokurikulum yang berorientasikan kemahiran dalam konteks menyediakan individu sebagai pekerja berkemahiran insaniah yang diperlukan oleh pihak industri [1]. Kemahiran insaniah yang sering diterapkan di institusi pengajian tinggi adalah kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berkesan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemahiran kepimpinan, etika dan moral professional. Program i-SMART yang diperkenalkan oleh Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB) dilihat sebagai satu inisiatif ke arah transformasi kemahiran insaniah yang lebih positif di kalangan pelajar politeknik Malaysia

## LATAR BELAKANG MASALAH

Bukannya mudah untuk berdepan dengan dunia pekerjaan yang kian mencabar, rumit dan kompleks keperluannya. Dengan memiliki sekeping sijil, diploma atau ijazah, belum pasti seseorang itu dapat meraih pekerjaan. Menurut Esa [1], di samping kelayakan akademik, seseorang itu perlu memiliki ketrampilan diri yang baik, mempunyai pelbagai kemahiran dan pengalaman. Majikan pada era perubahan kini mengharapkan supaya setiap graduan dapat mengaplikasikan segala kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi di institusi tanpa sebarang latihan ataupun bantuan tambahan [9]. Berdasarkan kepada beberapa kajian yang telah dijalankan, mendapati majikan pada dekad ini sebenarnya memerlukan pelajar yang lengkap dengan pendedahan kepada alam pekerjaan, mempunyai sikap yang baik dan mempunyai keseimbangan dalam latihan praktikal dan pendidikan am [24]. Menurut Norliza [18], para majikan pada masa kini juga memerlukan bakal pekerja yang memperolehi set kemahiran seperti mampu menyelesaikan masalah, boleh berkomunikasi dengan baik, berpemikiran bebas dan mempunyai kemampuan untuk mengaplikasi pengetahuan teori dan amali.

Menurut mantan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, graduan lulusan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan bukan sahaja masih gagal menguasai Bahasa Inggeris malah didapati kurang mahir berkomunikasi serta tidak mempunyai keyakinan diri. Maklumbalas ini diterima daripada majikan juga mendapati graduan IPT tempatan juga gagal berinteraksi dengan baik bersama rakan sekerja [17].

Kebanyakan graduan politeknik Malaysia yang berkelulusan sijil dan diploma dikira masih remaja dan belum pernah menceburkan diri dalam dunia pekerjaan. Mereka masih kurang jelas tentang skop tugas yang diberikan dan tidak tahu bagaimana setiap pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari boleh diaplikasikan dalam dunia pekerjaan yang sebenar [6].

Tambahan pula dengan pandangan umum yang sering merujuk kegagalan graduan mendapat pekerjaan adalah disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan majikan. Malah terdapat rungutan dan kebimbangan yang disuarakan oleh para majikan sejak akhir-akhir ini bahawa IPT tidak menyediakan pelajarannya dengan ilmu dan kemahiran yang secukupnya untuk mereka melangkah ke alam pekerjaan. Hal ini kerana kebolehpasaran setiap graduan dinilai dalam pelbagai aspek dan pihak majikan pula lebih cenderung mencari bakal pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi latihan dalam perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, perkara-perkara yang berkaitan dengan pembentukan kemahiran insaniah pelajar perlu diberi perhatian yang serius terutama di peringkat IPT di negara kita.

Isu kebolehdapatan pekerjaan di kalangan graduan adalah satu cabaran yang diberi perhatian yang berat oleh semua institusi pendidikan. Masalah pengangguran di kalangan graduan politeknik dikaitkan dengan isu kekurangan dan kelemahan graduan yang dikeluarkan oleh pihak institusi pengajian tinggi itu sendiri. Graduan dikatakan tidak mampu berfikir secara kritikal, kurang kemahiran menyelesaikan masalah, kurang kemahiran berkomunikasi dan kerja berkumpulan, kurang kemahiran menggunakan kemudahan ICT dan lemah berbahasa Inggeris adalah luahan yang sering diutarakan oleh pihak majikan. Ia perlu ditangani secara berterusan dan menyeluruh serta strategik agar para graduan mendapat jawatan yang setaraf dengan kelulusan mereka dan berpeluang meningkatkan kerjaya atau melanjutkan pengajian.

Dapatan Kajian Pengesanan Graduan pada tahun 2011 mendapati kumpulan terbesar yang tidak berkerja adalah lulusan diploma (55.5%), diikuti lulusan ijazah pertama (25.9%), lulusan sijil (17.4%), sarjana (0.9%) dan selebihnya iaitu 0.3% terdiri daripada graduan peringkat pengajian lain. Oleh yang demikian, PMJB perlu terus komited untuk memastikan semua graduan politeknik khususnya graduan PMJB mempunyai kompetensi tinggi, berkualiti dan mempunyai nilai tambah dari segi kemahiran insaniah. Ini adalah supaya para graduan dapat memenuhi kehendak pasaran kerja serta mendapat kerja yang bersesuaian. Komitmen ini selaras dengan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2010 hingga 2020.

### **PENYATAAN MASALAH**

Dengan adanya kajian yang mendapati pihak majikan pada era ini memerlukan setiap graduan mempunyai set kemahiran yang lengkap, maka pengkaji amat berminat untuk mengkaji sejauh mana program i-SMART yang merupakan idea asal dan inisiatif PMJB ini membantu transformasi kemahiran insaniah pelajar Politeknik Malaysia. Pelajar-pelajar ini kelak akan menjadi graduan politeknik yang bersedia untuk memasuki pasaran pekerjaan. Oleh itu, amatlah penting untuk melihat sejauh mana tahap kesediaan kemahiran insaniah yang mereka perolehi sepanjang mereka menuntut di politeknik.

### **PERSOALAN KAJIAN**

1. Adakah wujud tahap kesediaan kemahiran insaniah di kalangan pelajar politeknik.
2. Adakah terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan dari aspek tahap kesediaan kemahiran insaniah.
3. Adakah terdapat perbezaan faktor pencapaian dengan tahap kesediaan kemahiran insaniah

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui tahap kesediaan kemahiran insaniah di kalangan pelajar politeknik.
2. Mengenalpasti perbezaan demografi jantina dengan tahap kesediaan kemahiran insaniah.
3. Mengenalpasti perbezaan faktor pencapaian akademik dengan tahap kesediaan kemahiran insaniah.

## SOROTAN KAJIAN

Kemahiran insaniah telah lama diperkatakan dan dibincangkan oleh para ilmuan dan penyelidik di serata dunia. Kemahiran ini berkembang melalui proses semulajadi seperti tumbesaran, kematangan dan penuaan. Menurut Megat Aman [13], kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang perlu ada pada seseorang untuk berfungsi dengan berkesan pada kadar minima sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki.

Menurut Sharifah Hapsah [20], jaminan kualiti di IPT adalah untuk memastikan graduan yang dilahirkan mempunyai kemahiran teknikal dan praktikal, profesional, kemahiran pengurusan pemikiran teknikal, kemahiran komunikasi dan kemahiran pengurusan maklumat serta pembelajaran sepanjang hayat.

Kemahiran Insaniah merupakan suatu pendekatan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membangunkan modal insan pelajar IPT seperti yang telah digariskan sebagai satu daripada agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RM Ke-9) yang diterjemahkan ke dalam Agenda Kritikal Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Mantan Perdana Menteri Malaysia Y.A.B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berucap mengenai modal insan ketika membentangkan Rancangan Malaysia ke-9 di Parlimen pada 31 Mac 2006 iaitu :

*“Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita ingin menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan harus diutamakan. Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi satu kemewahan. Usaha membangunkan modal insan berkualiti akan digiatkan. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insan berminda kelas pertama”*

Modal insan ini juga secara tidak langsung berkait rapat dengan isu kualiti produk IPT dalam persaingan mendapatkan pekerjaan di pasaran kerja yang kompetitif apabila pelajar menamatkan pengajian dan tentunya melibatkan kemahiran insaniah. Terdapat tujuh (7) elemen kemahiran insaniah yang telah digariskan oleh KPM iaitu:

### **Program i-SMART**

Program ini merupakan satu program di mana 1 Pelajar diterapkan 10 aktiviti kemahiran insaniah bagi meningkatkan ketrampilan dan keunggulan pelajar selepas bergraduan dari Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB).

Penerapan Kemahiran Insaniah (KI) ini merupakan suatu pendekatan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membangunkan modal insan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti yang telah digariskan sebagai satu daripada agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RM Ke-9) yang diterjemahkan ke dalam Agenda Kritikal Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Ini juga secara tidak langsung berkait rapat dengan isu kualiti produk IPTA dalam persaingan mendapatkan pekerjaan di pasaran kerja yang kompetitif apabila pelajar menamatkan pengajian. Terdapat tujuh (7) elemen KI yang telah digariskan oleh KPTM iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berkesan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional dan kemahiran kepimpinan.

### **Kemahiran Komunikasi: Fokus aktiviti ke arah**

- a. Kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis.
- b. Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas.
- c. Kebolehan untuk membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.
- d. Kebolehan berkomunikasi dengan peserta komunikasi yang berlainan budaya

**Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah : Fokus aktiviti ke arah**

- a. Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi.
- b. Kebolehan untuk mengembangkan dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan.
- c. Kebolehan untuk mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif

**Kemahiran Berpasukan: Fokus aktiviti ke arah**

- a. Kebolehan untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama.
- b. Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan
- c. Kebolehan untuk mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.

**Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat: Fokus aktiviti ke arah**

- a. Kebolehan untuk mencari dan menguruskan maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber.
- b. Kebolehan untuk menerima idea baru dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi

**Kemahiran Keusahawanan : Fokus aktiviti ke arah**

- a. Kebolehan untuk mengenal pasti peluang perniagaan
- b. Kebolehan untuk merangka perancangan perniagaan
- c. Kebolehan untuk membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan.
- d. Kebolehan untuk bekerja sendiri.

**Etika dan Moral Profesional**


- a. Kebolehan untuk memahami kesan ekonomi, alam sekitar, dan sosiobudaya dalam amalan profesional
- b. Kebolehan untuk menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan etika
- c. Kebolehan untuk mengamalkan sikap beretika, di samping mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat.

**Kemahiran Kepimpinan**

- a. Kebolehan untuk memimpin projek
- b. Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan

Dalam kajian Uma Sekaran [23], kemahiran insaniah yang kritikal ialah nilai personal yang merangkumi komunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, perancangan dan penyelarasan, inisiatif dan usaha, teknologi, pembelajaran dan kesedaran diri (*self-awareness*). Alias Baba [3] pula mendapati komunikasi (lisan), pembelajaran, komunikasi (bertulis), penyelesaian masalah, kerja berpasukan, pengurusan diri dan kebolehan mengira merupakan kemahiran yang amat tinggi nilainya kepada majikan. Menurut Weirma [22] secara sepakatnya adalah amat jelas bahawa kerja berpasukan dan komunikasi merupakan kemahiran insaniah yang sememangnya amat bernilai. Kajian dalam kalangan pekerja yang diberhentikan akibat penstrukturan semula mendapati kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang paling penting [8]. Dapatan yang sama juga diperolehi dalam kajian Sandwich.P [19]. Beliau turut menyatakan projek-projek firma kejuruteraan gagal kerana kurangnya kemahiran berkomunikasi jurutera dalam melakukan kerja berpasukan bukannya kemahiran

teknikal. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa kemahiran insaniah amat diberi penekanan oleh majikan.



## METHODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif yang rintis dan deskriptif. Data diperolehi daripada pendedaran borang soal selidik.

Populasi kajian terdiri daripada pelajar politeknik yang mengikuti program i-SMART yang dianjurkan oleh PMJB dan difokuskan kepada keseluruhan pelajar PMJB yang dianggarkan berjumlah 384 orang. Daripada jumlah pelajar ini, seramai 181 orang pelajar PMJB sesi Disember 2014 dipilih sebagai sampel. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan populasi Krejcie Morgan [11] di mana menurut beliau sampel untuk populasi berjumlah 384 orang adalah seramai 181 orang responden.

Dalam kajian ini responden mewakili 100% persampelan. Rasional pemilihan kumpulan ini sebagai responden ialah dapatan yang diperolehi dapat mempotretkan ciri-ciri keseluruhan populasi yang dikaji di mana pelajar-pelajar ini bakal menjadi graduan politeknik yang dilihat nilai kemahiran insaniah mereka sepertimana yang diperlukan oleh majikan.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan data. Menurut Oppenheim di dalam buku Penyelidikan Pendidikan, Mohamad Najib [14] kaedah memperoleh data secara soal selidik mampu mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi serta pandangan.

Bentuk soalan di bahagian A adalah mengikut aneka pilihan. Manakala bahagian B semua soalan disusun dengan menggunakan skala likert untuk mengukur sikap dan ciri-ciri kemahiran insaniah pelajar. Skala ini sesuai digunakan kerana menurut Wierman [22], ia merupakan satu inventori sikap yang melibatkan perasaan individu terhadap sesuatu idea, prosedur dan institusi sosial.

## RUJUKAN

- [1]A.Esa, M.Y.Abd Hadi, B. Mohd Salleh (2007). Peranan Ko-Kurikulum Di Politeknik Dalam Memenuhi Keperluan Pihak Industri di Malaysia di Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran Di Peringkat Pengajian Tinggi 2007.12-14 Disember 2007, Selangor , Malaysia.
- [2]Adibah Abdul Latif (2005). Perkaitan Antara Tahap Kemahiran Generik Dengan Pencapaian Prestasi Pelajar. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana.
- [3]Alias Baba, 1999. Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Sains Sosial. Edisi Pertama. Selangor : Penerbit *America : Johan Wiley & Sons Inc.*
- [4]Buliten Pengajaran dan Pembelajaran (2004). : Bengkel Pembinaan Artibut Graduan dan Penerapan Kemahiran Generik di Kalangan Pelajar UTM.” Centre for Teaching and Learning UTM.
- [5]Cho, Y. Y. & Wong, K. K. F. (2001). Determinants of hotel employment in Hong Kong. *Cornell Hotel and Restaurant Administration Quarterly*, **42** (1), 50-59.
- [6]Chuang , Chi-Kim., and Lewis.D. (1998). “Expectation of Employees of High School Leavers in Hong Kong . “ *Journal of Vocational Education and Training*”. No. (1). 97-111.
- [7]Esa Abd. Samad (2000). “Pencapaian Akademik Bukan Jaminan Kerjaya.” *Siswa Julai*. Dewan Bahasa dan Pustaka . Kuala Lumpur.
- [8]Finn, B. (1991). “Young People’s Participation In Post Compulsory Education and Training .” *Report of The Australian Education Council Review Committee Canberra : Government Publishing Service.*
- [9]Imran Idris (1993). “Perubahan Dunia Vokasional- Satu Cabaran Kepada Sistem Pendidikan.” *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*”. Jilid (7)10-21.
- [10]Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. (2006).*Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- [11]Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610. <http://www.gifted.uconn.edu/siegle/research/Samples/samsize.html>
- [12]Kruss, G. (2004). Employment and employability:expectations of higher education responsiveness in South Africa.*Journal of Education Policy*,19 (6), 673-689.Lee, F. T. (2003). *Identifying essential learningskills in students’ engineering education* Kertaskerja dibentang dalam HERDSA 2003Conference. Diakses pada 13 September, 2006,dari <http://surveys.canterbury.ac.nz/herdsa03/pdfsref/Y11111.pdf>
- [13]Megat Aman Zahiri Megat Zakaria. (2007). “ Hubungan Antara Kemahiran Generik Dengan Jantina, Pengkhususan Dan Pencapaian Guru-Guru Pelatih UTM : Satu Tinjauan. Online : [eprints.utm.my](http://eprints.utm.my)
- [14]Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999. Penyelidikan Pendidikan. “ Edisi Pertama. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- [15]Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir, 2001. Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS 10.0 For Relation To Entrepreneurship. *Journal of Small Business Management* October.
- [16]Muhammad Shahrin Ab. Karim (2007). Kerjaya dalam bidang perhotelan. 1Edition, Kuala Lumpur. PTS Professional Pub.
- [17]Noreen Mohd Esam, Mohd Nihra Haruzuan Mohamad Said, Mohd Fadzli (2007). Tahap Kemahiran Generik Pelajar Tahun Akhir Yang Mengambil Mata Pelajaran Fizik di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai di Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran Di Peringkat Pengajian Tinggi 2007. 12-14 Disember 2007, Selangor , Malaysia

[18]Norliza Mat Abu (200). “ Tahap Kompeten Pelajar Dalam Menghadapi Alam Pekerjaan : Satu Kajian Kes”. Kolej Universiti Tun Hussien Onn.

[19]Sandwith, P. (1993). A hierarchy of management training requirements. A competency domain model. *Public Personnel Management*, 22(1), 43-62

[20]Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (2006). *Kerangka Kelayakan Malaysia*. Lembaga Akreditasi Negara.

[21]Siti Hajar Razali (2005). “Persepsi Mahasiswa IPTA Terhadap Kepentingan Kemahiran Generik : Satu Kajian Kes di Kalangan Mahasiswa Tahun Akhir di UTM, Skudai.” Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.

[22]Weirma, W, 1995. *Research Methods in Education : An Introduction*. 6<sup>th</sup> Edition, London: Allyn and Bacon. *Windows. Edisi Pertama, a. Kuala Lumpur : Venton Publishing.*

[23]Uma Sekaran, 1992. *Research Method for Business : A Skill Building Approach*. “2<sup>nd</sup> Edition. United States of Universiti Kebangsaan Malaysia.

[24]Zaidatol Akmaliah Lope Pilie (1993). “ Kemahiran Keusahawanan Dalam Pendidikan Vokasional Satu Jaminan Kerjaya”. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*”. Jilid (7)30

---

**Corresponding Author:** Nurzarimah binti Jamil. Politeknik METrO Johor Bahru, No 64, Jalan Suria 19, Taman Putera, 81100 Johor Bahru, Johor, Malaysia. +6012-9964180. zarimahjamil@yahoo.com.

---